

Mahathir sentiasa jadi buruan para wartawan

U.M. 3 SEP 1992

JAKARTA 2 Sept. — Seperti yang dijangka Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad sentiasa menjadi buruan wartawan yang meliputi Persidangan Ke-10 Ketua-Ketua Negara Berkecuali (NAM) yang berlangsung di sini sejak semalam.

Maka pada kesempatan yang diberi petang ini, para wartawan tidak sabar-sabar lagi untuk menghujani Dr. Mahathir dengan berbagai soalan sehingga adakala berebut-rebut untuk bertanya.

Di sidang akhbar yang berlangsung lebih sejam di sebuah bilik di Balai Sidang Jakarta, Dr. Mahathir kelihatan tenang dan petah sekali menjawab soalan-soalan yang dikemukakan kepadanya dengan jawapan yang tepat, bernas dan meyakinkan semua yang hadir.

Pada satu soalan, Dr. Mahathir menolak dakwaan seorang wartawan yang mengatakan beliau adalah seorang Perdana Menteri yang muda di negeri

yang muda oleh itu beliau tidak seharusnya begitu lantang mengkritik.

Secara terus terang beliau berkata: "Saya bukan muda lagi. Saya dilahirkan pada Disember 1925. Kini berusia 67 tahun. Bukan muda lagi, tetapi saya akui Malaysia sebuah negara muda. Tetapi, tidak bermakna kami tidak boleh menyuarakan pandangan."

Pada soalan lain, Dr. Mahathir berkata, "saya tidak takut saya diculik kerana begitu lantang mengemukakan pandangan atau kritik terhadap Amerika Syarikat atau PBB asalkan ia dilakukan atas landasan prinsip."

"Apa yang menjelekkkan saya ialah terdapat kuasa besar yang enggan menghulurkan bantuan ke atas Bosnia, tetapi sanggup bermati-matian kerana ingin membantu satu puak lain," ujarnya.

Di suatu ketika, Dr. Mahathir membuat para wartawan yang berada dalam bilik itu ketawa apabila berkata, "saya

hanya seorang biasa di negara saya sendiri."

Mengenai soalan apa yang boleh beliau buat jika cadangan beliau untuk menghapuskan kuasa veto yang dinikmati oleh lima kuasa besar dunia di PBB ditolak, Dr. Mahathir berkata, "Kita akan terus bangkitkan perkara itu di PBB."

Secara bandingan soalan soalan yang diajukan pada sidang akhbar petang ini tidaklah sehebat yang dialami oleh Perdana Menteri semasa menghadiri Kemuncak Bumi di Rio Jun lalu.

Mengenai soalan apa tujuan sebenar Amerika Syarikat begitu ghairah untuk mempertahankan kaum Syiah dari penindasan Iraq, Dr. Mahathir berkata secara sinis, "saya tidak tahu sebabnya, mungkin kaum Syiah boleh mengundi bagi kemenangan Bush dalam Pilihan Raya Presiden nanti."

Para wartawan sekali lagi ketawa apabila Dr. Mahathir menyatakan soalan wartawan itu bernilai \$74,000.—Utusan.